

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
JALAN CENDERASARI  
50590 KUALA LUMPUR

Bil. (40) dlm. KKM-82/2/6

2 / hb Disember, 1985

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan  
dan Kesihatan Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan,  
Sabah/Sarawak.

Semua Pengarah Yayasan.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.6/1985

Kebenaran Untuk Menerbitkan Rencana-rencana  
Yang Ditulis Oleh Pegawai-pegawai

-----

Surat pekeliling ini bertujuan menetapkan peraturan untuk  
mendapatkan kebenaran menerbitkan rencana-rencana yang  
ditulis oleh pegawai-pegawai.

2. Perlu diingatkan bahawa penerbitan rencana-rencana,  
lebih-lebih lagi jika rencana tersebut mengandungi data-data  
atau maklumat-maklumat yang diambil dari rekod-rekod jabatan,  
hendaklah mendapat kebenaran pejabat ini. Setiap rencana  
akan dinilai mengikut kriteria-kriteria yang berikut:

- (i) mutu keseluruhan rencana
- (ii) nilai rencana kepada sains perubatan
- (iii) kesesuaian rencana dari segi kepentingan negara  
dan jabatan, dan
- (iv) nama majalah, buku dalam mana rencana akan  
diterbitkan.


3. Semua permohonan untuk menerbitkan rencana hendaklah  
dialamatkan kepada saya. Pengarah-Pengarah Negeri atau Yayasan  
hendaklah memberi ulasan samada rencana tersebut sesuai diterbitkan  
berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang tersebut diatas.

4. Setiap deraf rencana yang hendak diterbitkan hendaklah mencatatkan nama dan jawatan penulis dengan penuh dan mengandungi ayat yang berikut dipenghujung rencana.

"I would like to thank the Director General of Health Malaysia for permission to publish this article."

Sekian.

Saya yang menurut perintah,

  
Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: YB Menteri Kesihatan.  
YB Timbalan Menteri Kesihatan.  
YB Setiausaha Parlimen.  
Ketua Setiausaha.  
Timbalan KPK  
Semua Ketua Bahagian

-/re